



KERATAN AKHBAR

| | | | | | |
|-------------|---|------------------|------------|---|---|
| AKHBAR | : | BERITA HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 3/8/2019 | MUKA SURAT | : | 8 |
| JABATAN | : | KATS / BTUP | | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | | |

MTN lulus cadangan pinda akta harta pusaka kecil

Bidang kuasa nilai pejabat pusaka daripada RM2 juta kepada RM5 juta

Oleh Mohd Azis Ngah
azis@bh.com.my

Kuala Lumpur: Majlis Tanah Negara (MTN) semalam meluluskan cadangan bagi pindaan terhadap Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 untuk memudahkan penyelesaian masalah pembahagian pusaka.

Melalui cadangan pindaan itu, bidang kuasa nilai pejabat pusaka ditingkatkan daripada RM2 juta kepada RM5 juta dan pada masa sama, syarat keperluan memiliki harta tidak alih dihapuskan.

Permohonan pusaka tidak alih pula boleh difailkan di mana-mana pejabat pusaka di negeri tempat harta berkenaan berada.

Keputusan itu dibuat dalam Mesyuarat ke-75 MTN di Putrajaya yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Mesyuarat turut dihadiri Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar, beberapa menteri Kabinet, Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, dalam satu kenyataan, menjelaskan cadangan pindaan itu akan memudahkan orang ramai memfailkan permohonan dan menyelesaikan masalah pembahagian pusaka.

"MTN juga bersetuju dengan cadangan Konsep Perserahan dan Pendaftaran Secara Elektronik (OPR) Sepenuhnya. Kelulusan dasar ini akan membolehkan semua urusan penyerahan dan pendaftaran hak milik pada masa depan dibuat di kaunter pejabat tanah dan secara dalam talian," menurutnya.

Menurut kenyataan itu, kerajaan juga bersetuju mewujudkan insurans dalam urusan pendaftaran tanah bagi mengelak berlaku kes penipuan dalam urusan pendaftaran hak milik.

Cadangan pewujudan konsep dana insurans bagi transaksi tanah itu dibuat berikutan banyak kes membabitkan penipuan dan pemalsuan hak milik.

"Konsep dana insurans ini akan dikaji supaya kerugian kepada pemilik yang terbabit boleh

“MTN juga bersetuju dengan cadangan Konsep Perserahan dan Pendaftaran Secara Elektronik (OPR) Sepenuhnya. Kelulusan dasar ini akan membolehkan semua urusan penyerahan dan pendaftaran hak milik pada masa depan dibuat di kaunter pejabat tanah dan secara dalam talian.

Kenyataan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli

dielak," menurutnya.

MTN juga meluluskan cadangan pindaan Kanun Tanah Negara Bagi Mengeluarkan Permit Bahan Batuan yang antara lain akan memberikan lebih kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk memberhentikan kerja pengeluaran bahan batuan yang merosakkan ekosistem alam sekitar.

"Ulasan jabatan teknikal akan dijadikan syarat mandatori, sebelum permit pengeluaran dikeluarkan. Ini boleh mengawal daripada kerosakan alam sekitar disebabkan operasi pengeluaran bahan batuan berlebihan," menurut kenyataan itu.

Turut dipersetujui ialah bagi kerajaan negeri mengekalkan pewartaan Hutan Tadahan Air yang dibuat sebelum ini, iaitu sebanyak 323,929 hektar.

Ketika ini, tiga negeri belum menyelesaikan baki pewartaan kawasan Hutan Tadahan Air iaitu Johor, Perak dan Pulau Pinang membabitkan kawasan yang belum diwartakan seluas 55,716 hektar.

Pewartaan kawasan hutan tadahan air di Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung, penting bagi menjaga sumber air dan hutan negara negara daripada di ceroboh dan dijadikan kawasan pembangunan.